**UJIAN KEFAHAMAN**

**NAMA :** **TAHUN :**

***Masukkan tanda baca (.) (,) dan bulatkan huruf besar di tempat yang sesuai dengan pensel warna.***

**pak abu mempunyai sebuah dusun buah-buahan dia menanam berbagai-bagai jenis buah-buahan tempatan seperti durian rambutan duku langsat dan ciku di dusunnya dusun pak abu adalah seluas dua hektar pak abu dibantu oleh dua orang anak lelakinya untuk menjaga kebun tersebut**

**tiap-tiap pagi pak abu akan pergi ke dusunnya untuk menyiram pokok-pokok buahnya dia membubuh baja pada pokok-pokok itu sebulan sekali pak abu juga akan membungkus buah-buahan yang sedang masak dengan beg-beg plastik supaya tidak dimakan oleh burung dan tupai**

**penduduk kampung suka membeli buah-buahan pak abu kerana ia murah dan lazat kadang-kadang orang-orang dari bandar juga berkunjung ke dusun pak abu untuk menikmati kelazatan buah-buahan**

***NAMA :*** ***TAHUN :***

***Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.***

**Pak Abu mempunyai sebuah dusun buah-buahan. Dia menanam berbagai-bagai jenis buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, duku, langsat dan ciku di dusunnya. Dusun Pak Abu adalah seluas dua hektar. Pak Abu dibantu oleh dua orang anak lelakinya untuk menjaga kebun tersebut.**

**Tiap-tiap pagi , Pak Abu akan pergi ke dusunnya untuk menyiram pokok-pokok buahnya. Dia membubuh baja pada pokok-pokok itu sebulan sekali. Pak Abu juga akan membungkus buah-buahan yang sedang masak dangan beg-beg plastik supaya tidak dimakan oleh burung dan tupai.**

**Penduduk kampung suka membeli buah-buahan Pak Abu kerana ia murah dan lazat. Kadang-kadang orang-orang dari bandar juga berkunjung ke dusun Pak Abu untuk menikmati kelazatan buah-buahan.**

1. **Apakah buah yang ditanam oleh Pak Abu ?**

2. **Siapakah yang membantu Pak Abu menjaga dusunnya ?**

3. **Mengapakah Pak Abu membungkus buah-buahan yang sedang masak ?**

4. **Mengapakah penduduk kampung suka membeli buah-buahan Pak Abu ?**

5. **Berapakah luas dusun Pak Abu ?**